

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO. 7 HINGGA 156)**

23 MEI 2016

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**



SOALAN NO: 7

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL

TARIKH: 23 MEI 2016

SOALAN:

**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan startegik bagi menyediakan agenda Malaysia bagi melahirkan rakyat berkemahiran tinggi dan setakat mana Tabung Latihan Kemahiran memberi eksan bagi memastikan Malaysia sebuah negara maju berkemahiran tinggi dalam rantau ASEAN.

PR-1342-L73678

## **Jawapan:**

Tuan Yang Dipertua,

1. Negara memerlukan rakyat yang berpendidikan tinggi serta memiliki kemahiran dalam pelbagai bidang menjelang tahun 2020 apabila negara sudah mencapai status sebuah negara perindustrian yang maju. Kerajaan sentiasa mengambil inisiatif yang berterusan bagi memantapkan program-program latihan yang bersesuaian dengan kehendak pasaran serta menangkis persepsi negatif masyarakat terutamanya terhadap aspek pembangunan kemahiran pekerja dari sudut teknikal dan vokasional. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) 2016 - 2020, sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu akan diwujudkan di mana 60 peratus daripadanya memerlukan kelayakan berkaitan Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

2. Tambahan peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan di bawah RMKe-11 dapat membantu meningkatkan bilangan pelajar TVET serta kapasiti pengambilan di Institusi Latihan Kemahiran Awam dan Swasta bagi memenuhi keperluan negara dan seterusnya menyokong pencapaian sasaran 35 peratus tenaga kerja mahir di Malaysia.

3. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) mempunyai peranan bagi menyokong dan membantu negara bagi melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir melalui pinjaman latihan kemahiran (PLK) kepada pelatih yang berkecukupan.

4. PTPK telah menerima peruntukan sebanyak **RM460.24 juta** di bawah Dana Latihan Berterusan dan **RM1.057 bilion** di bawah Program NKEA *Education* (EPP 5) : *Mainstreaming Skills Training* sepanjang Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK-10). Seramai **110,656 orang pelatih** telah menerima manfaat daripada pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan ini.

5. PTPK dijangka akan menerima peruntukan wang pembangunan sebanyak **RM1 bilion** (RM200 juta setiap tahun) di bawah Dana pinjaman TVET sepanjang Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11) dengan anggaran seramai **66,700 orang pelatih** akan dapat dibiayai dan menerima manfaat daripada PLK yang diberikan sepanjang RMK-11.